

Projek Prihatin Mahasiswa UMP Bersama Gelandangan KL



Kuala Lumpur, 1 April 2017 – Seramai 34 orang mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjayakan program "Projek Prihatin: Sehari Bersama Gelandangan" yang dianjurkan bersama Perwakilan Mahasiswa Kolej Kediaman 2 (PEKA 2), Perwakilan Mahasiswa Kolej Kediaman 1 (PEKA 1) dan Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PERSIS).

Sukarelawan menyediakan makan malam bagi gelandangan di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur bermula jam 6.30 petang sehingga jam 10.00 malam diikuti kerja membungkus makanan untuk diagihkan pula kepada gelandangan di jalanan.

Menurut pengarah program yang merupakan Exco Khidmat Komuniti PEKA 2, Muhammad Aflah Mohd Sabri dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan berkata, beliau gembira kerana program ini mencapai objektifnya dan telah memberi kesedaran sosial kepada para mahasiswa UMP yang terlibat serta berkongsi sedikit kegembiraan kepada para gelandangan tersebut.



"Selain pemberian makanan, para sukarelawan ini turut mengedarkan 250 kit kebersihan dan kesihatan seperti ubat gigi, berus gigi, sabun, syampu kepada gelandangan tersebut. Agihan ini meliputi beberapa kawasan tumpuan di Kuala Lumpur seperti di sekitar Pasar Seni, Menara Maybank, Mydin, Pudu Raya dan Bukit Bintang. Meskipun cuaca hujan pada malam tersebut, proses agihan berlangsung sekitar jam 11 malam dan selesai sekitar jam 2.00 pagi," katanya.

Manakala bagi Presiden PEKA 1, Nur Shuhadah Zaharudin dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan melahirkan perasaan amat bertuah kerana dapat beramah mesra dan mendengar permasalahan yang dikongsikan oleh penghuni di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur tersebut.



Bagi Timbalan Presiden PERSIS dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Faten Azwani Abd. Aziz, berkata pengalaman ini sungguh berharga dan sedikit sebak melihat gelandangan terutama yang bersama anak kecil tinggal di jalanan kesan tekanan dan kos hidup yang tinggi di bandar metropolitan Kuala Lumpur ini.

Program ini telah mendapat kerjasama dari Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur, Yayasan Kebajikan Negara Malaysia, Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan juga Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB). Selain itu, program ini juga turut dibantu oleh beberapa sukarelawan yang bergerak sendiri termasuk dari NGO seperti The Traveller.

Kumpulan projek ini juga turut menyumbang pakaian terpakai dan keperluan masakan harian seperti minyak masak, beras, gula kepada Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur hasil sumbangan orang ramai yang prihatin dan bermurah hati. Program ini turut disertai penasihat Program yang juga Felo Kolej Kediaman 2, Mohd Ferdaus Musa dan pembantu felo dari KK1 & 2.

Disediakan oleh Mohd Ferdaus Musa dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 11-04-2017, 14:21:51